

26 MAR 1997

SEKTOR PERTANIAN PENTING KEPADA EKONOMI, KATA KENG YAIK

KUALA LUMPUR, 26 Mac (Bernama) -- Sektor pertanian akan terus diperkuatkan sebagai satu sektor penting ekonomi negara sungguhpun sektor-sektor pembuatan dan perkhidmatan akan menjadi alat utama yang akan membawa negara ke alaf akan datang, Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berkata.

Komoditi-komoditi utama dan barangan berasaskan komoditi, tidak termasuk petroleum dan gas, merupakan kira-kira 17.4 peratus atau RM34 bilion daripada keseluruhan perolehan eksport Malaysia tahaun lalu, tambah beliau.

Semasa berucap pada majlis jamuan tahunan Persatuan Pemilik Ladang Malaysia (MEOA) di sini malam ini, katanya Dasar Pertanian Negara (DPN) akan dikaji semula.

Kementeriannya yang telah diberikan tugas untuk mengkaji semula sektor kecil perindustrian, yang termasuk minyak sawit, getah, koko, lada hitam, nanas, tembakau dan perhutanan, dan Kementerian Pertanian akan menyediakan deraf Dasar Agro-Perhutanan Negara yang baru.

Dr Lim berkata pemikiran kerajaan sekarang adalah bahawa perhutanan dan pertanian dianggap sebagai satu entiti tunggal dan perlu dimajukan secara menyeluruh dan dalam cara yang bersepadu untuk memperolehi pulangan maksimum daripada tanah.

Pembangunan berpetak-petak tidak akan menguntungkan kerana pesaingan untuk sumber-sumber yang sedikit menjadi lebih sengit, tambahnya.

Beliau berkata industri-industri utama akan perlu memainkan peranan yang penting dalam memastikan bahawa bekalan yang mencukupi bahan-bahan mentah dikeluarkan untuk menampung permintaan industri-industri pemprosesan hiliran dan juga industri-industri pembuatan berasaskan sumber.

Memandangkan bekalan buruh dan tanah yang ketat untuk pembesaran di dalam negeri, sektor perladangan tidak akan mempunyai pilihan tetapi menyelaraskan sumber mereka untuk memaksimumkan pengeluaran dan terus berada di dalam perusahaan itu, tambahnya.

Mereka yang sihat daripada segi kewangan digalakkan melabur di dalam sektor perladangan di luar negara.

Dr Lim berkata memandangkan lebih banyak sumber ditujukan ke arah pembangunan perindustrian dan kurang kepada pertanian di masa akan datang, sektor pertanian secara am dan sektor komoditi khususnya hendaklah bersedia berusaha keras untuk terus kekal di dalam persekitaran yang bergolak, persekitaran yang amat kompetitif di mana hanya yang paling sihat akan terus hidup.

Presiden MEOA Boon Weng Siew menggesa para anggota persatuan melihat secara objektif saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada syarikat-syarikat perladangan supaya menanam pokok jati memandangkan tenaga buruh yang berkurangan di masa akan datang.

Katanya jika 10 peratus daripada lima juta hektar ladang di Malaysia ditanami dengan jati dalam masa 15 tahun akan datang, negara akan mempunyai 500,000 hektar ladang jati menjelang tahun 2012.

Ini bermakna hasil sejumlah RM4 bilion setahun berasaskan kepada RM600 semeter padu dengan keupayaan pengeluaran sebanyak 6.666 juta meter padu kayu jati daripada tuaian tahunan 33,333 hektar pada kadar 200 meter padu sehektar, tambahnya.

Katanya prospek masa depan bagi jati seharusnya cerah memandangkan matlamat Pertubuhan Kayu Tropika Antarabangsa menjelang tahun 2000, yang

mana para anggota komited bagi memastikan bahawa eksport perkayuan dan keluaran-keluaran perkayuan akan dikeluarkan daripada hutan yang melaksnakan pengurusan mapan. -- BERNAMA

MSL OS/sia